

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 (146)

19 April 2013
8 Jamadil Akhir 1434

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2013

PILIHAN RAYA UMUM KE-13

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah menetapkan Pilihan raya Umum Ke-13 pada 5 Mei 2013. Sehubungan itu, Pengurusan Universiti menarik perhatian semua staf bagi mematuhi Peraturan 20, Jadual Kedua, Bahagian II, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Mengambil bahagian dalam politik

20. (1) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh —

- a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- b) menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam suatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;

- e). bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh, setelah mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga, dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

Pengurusan Universiti memandang serius penglibatan pegawai Universiti dalam aktiviti politik dan penglibatan tersebut bertentangan dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' dalam perkhidmatan awam yang boleh membawa suasana tidak harmoni di tempat kerja.


Sehubungan itu, mana-mana pelanggaran bagi peruntukan peraturan dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 oleh seseorang pegawai Universiti menyebabkan pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya bagi mana-mana pelanggaran dalam peruntukan berkaitan. Ketua PTJ yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya hendaklah disifatkan telah cuai dan tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Sekian, dimaklumkan.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k - YBhg Dato' Seri Naib Canselor
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-Pegawai Kanan / Dekan / Pengarah